



**PENYATA
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI
KEUPAYAAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR**

*Special Select Committee on
Competence, Accountability and Transparency
(SELCAT)*

Mengenai

KEJADIAN BANJIR DI HULU LANGAT DAN KLANG SELATAN

Penyata oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Keber tanggungjawaban dan Ketelusan (*Special Select Committee on Competence, Accountability and Transparency-SELCAT*), Dewan Negeri Selangor ke atas “ Kejadian Banjir di Hulu Langat dan Klang Selatan ”.

MUKADIMAH

SELCAT telah mengadakan pendengaran awam pada 16 April 2012 (Isnin) bagi menyiasat kejadian banjir di Hulu Langat dan Klang Selatan.

Siasatan ini dibuat berikutan peristiwa banjir teruk yang telah berlaku di Hulu Langat dan Klang Selatan. Ahli Jawatankuasa bersetuju untuk meneliti kes ini secara mendalam di samping menjalankan pendengaran awam bagi mengenal pasti punca banjir, perancangan untuk masa hadapan, untuk perancangan jangka pendek dan jangka panjang serta langkah-langkah untuk menyelesaikan masalah ini.

SAKSI-SAKSI

Seramai 13 orang saksi telah dikenal pasti dan dipanggil oleh SELCAT untuk menghadiri pendengaran awam iaitu:-

- a) Tuan Haris Bin Kasim,
Pegawai Daerah Hulu Langat
- b) Tuan Ab. Qahar Bin Osman,
Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor
- c) Dato' Mohammad Bin Yacob,
Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya
- d) Dato' Hasan Nawawi Bin Abd Rahman,
Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kajang

- e) Dato' Ir. Abdullah Bin Abdul Rahman,
Pengarah Jabatan Kerja Raya Selangor
- f) Yang Berhormat Tuan Lee Kim Sin,
Ahli Dewan Negeri Kawasan Kajang
- g) Yang Berhormat Tuan Khasim Bin Abdul Aziz,
Ahli Dewan Negeri Kawasan Lembah Jaya
- h) Dato' Bakhtiar Bin Hussin,
Pegawai Daerah Klang
- i) Tuan Mohd Ikhsan Bin Mukri,
Setiausaha Majlis Perbandaran Klang (Pemangku Yang Dipertua)
- j) Yang Berhormat Puan Rodziah Binti Ismail,
Wakil Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
- k) Yang Berhormat Tuan Manoharan A/L Malayalam,
Ahli Dewan Negeri Kawasan Kota Alam Shah
- l) Tuan Nik Omar Bin Nik Ab Rahman,
Pengarah Jabatan Kebajikan Selangor
- m) Tuan Mohamed Izam Bin Mohamed Yusof,
Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Selangor

FAKTA

Hulu Langat

1. Banjir telah berlaku pada 7 Mac 2012 di daerah Hulu Langat yang melibatkan 15 kampung:

- a) Mukim Ampang di Lembah Jaya Utara, Kampung Melayu dan Jalan Kolam Air;
 - b) Mukim Hulu Langat di Kampung Perdik, Kampung Lubuk Kelubi, Kampung Jawa, Kampung Batu 20 Sungai Lui, Kampung Batu 17 Dusun Tua, Kampung Batu 16 Dusun Tua, Kampung Batu 14 Hulu Langat, Kampung Batu 13 Hulu Langat, Kampung Dusun Nanding, Taman Seri Nanding, Kampung Sungai Serai dan Kampung Bukit Raya; dan
 - c) Mukim Cheras di Kampung Batu 10.
("Banjir Hulu Langat").
2. Anggaran keluarga yang terlibat dalam banjir di Mukim Ampang seramai 495 keluarga, Mukim Cheras 128 keluarga dan di Mukim Hulu Langat seramai 1,197 keluarga. Dalam tempoh beberapa hari kejadian, anggaran ini dijangka bertambah dari masa ke semasa hasil daripada bincian lebih terperinci yang dibuat.
 3. Pusat Kawalan Tempat Kejadian ("PKTK") telah diwujudkan oleh polis bagi tujuan penyelarasan bantuan dan perhubungan. Pegawai Daerah pula mengarahkan bilik gerakan pejabat Daerah dibuka dan menyelaras perhubungan dengan agensi bantuan logistik dan peralatan bagi keperluan mangsa banjir dan pusat perpindahan. Pembukaan bilik gerakan bencana dan pusat pemulihan banjir di lokasi kejadian dengan kakitangan untuk mengambil maklumat mangsa-mangsa perpindahan. Penentuan arahan tugas dan agihan bantuan dikendalikan oleh komandan bertugas, penghantaran laporan melalui bilik gerakan Pejabat Daerah kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor sebagai Pengurus Bencana Negeri dan Pengarah Majlis Perkhidmatan Negeri Selangor.
 4. Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah Hulu Langat Bil. 1/2012 diadakan pada 8 Januari 2012 dan panggilan mesyuarat Bil 2/2012 diadakan hanya pada 25 April 2012 (satu tempoh yang agak lama daripada Januari hingga April). Dalam mesyuarat pada 8 Januari 2012, masalah banjir

di Sungai Serai dan masalah *culvert* yang tertutup di depan *Gmart* yang menjadi punca banjir telah dibangkitkan. Jalan yang menjadi punca kepada *culvert* tersumbat itu di bawah bidang kuasa Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor (“JKR”) dan pihak JKR telah pun memaklumkan bahawa mereka menghadapi masalah kekurangan peruntukan untuk menyelenggarakan *culvert* ini menyebabkan *culvert* ini tersumbat.

5. Punca banjir Hulu Langat dipercayai disebabkan oleh kadar air hujan lebat yang melampau. Dalam keadaan biasa, hujan melebihi 60mm merupakan hujan tanda amaran iaitu paras berjaga-jaga. Pada malam kejadian pada pukul 4.30 petang sehingga pukul 8.00 malam itu kadar air hujan telah mencecah lebih daripada 200mm. Ini menyebabkan air daripada hulu melimpah sampai ke kawasan di mana berlakunya banjir luar biasa. Kali terakhir kejadian banjir yang seumpama berlaku pada sekitar tahun 1980.
6. Pada kadar hujan yang begitu lebat dan juga saliran yang tersumbat, topografi di kawasan utama di daerah Hulu Langat ini agak rendah di kawasan lembah dan terdapat juga kampung yang berada di bawah paras sungai. Daerah Hulu Langat merupakan daerah yang paling banyak sungai dan kawasan yang berhampiran dengan sungai dan kawasan topografi yang rendah ini juga membawa faktor kepada keadaan banjir.
7. Untuk banjir di Ampang, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (“MPAJ”) telah memberitahu Jawatankuasa bahawa buat pertama kalinya hujan yang direkodkan satu hari adalah sebanyak 164mm. Biasanya di Ampang hujan maksimum tercatat tidak sampai 80mm. Longkang di Ampang hanya boleh menampung maksimum dalam 70mm sahaja dalam keadaan tidak berlaku limpahan.
8. MPAJ juga telah membaiki banyak longkang kecil yang tersumbat dan telah memakan kos RM27 juta. Jumlah perparitan di Ampang meliputi 1,500 kilometer dan jika didalamkan kesemuanya boleh mengambil kos RM300 juta.

9. Untuk kawasan pembangunan yang baru, MPAJ juga telah mensyaratkan ke atas pemaju pembinaan longkang yang mempunyai kapasiti yang lebih tinggi dan setiap pembangunan perlu mempunyai kolam takungan yang boleh menampung aliran keluar air berdasarkan Manual Saliran Mesra Alam (MASMA) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor (“JPS”) sejak tahun 2000.
10. Kerja-kerja mendalamkan 12 sungai dalam pentadbiran MPAJ pada tahun 2005 telah memakan kos sebanyak lebih kurang RM5 juta dan MPAJ mahu usaha ini diteruskan.
11. Kerja-kerja menyelenggara sungai dilakukan oleh JPS. Anak sungai yang sudah menjadi *monsoon drain* diselenggarakan oleh MPAJ.
12. Terdapat juga perhubungan yang langsung di antara banjir kilat ataupun banjir yang berlaku baru-baru ini dengan sempitnya *reserve* sungai yang telah didiami oleh peneroka yang tidak sah mengakibatkan kerja penyelenggaraan tidak dapat dibuat.
13. Di MPAJ belum ada satu unit khas yang ditubuhkan untuk mengatasi banjir. Sekarang ini, Jabatan Kejuruteraan yang menjaga portfolio ini.
14. JPS mengesahkan bahawa kadar hujan yang turun dan banjir ini berlaku hanya 1 kali dalam 100 tahun.
15. Majlis Perbandaran Kajang (“MPKj”) pula memberitahu Jawatankuasa kesukaran mereka dalam pembinaan *retention pond* akibat pembangunan pesat sedia ada. Kebanyakan projek merupakan projek kecil 5 ekar atau 4 ekar dan sukar untuk mensyaratkan pembinaan *retention pond*.

Klang

16. Pada 2 Mac 2012, banjir kilat telah berlaku di sebelah Klang Utara sahaja manakala pada 27 Mac 2012 banjir kilat kebanyakannya berlaku di Klang Selatan. Pada 30 Mac 2012 banjir kilat telah berlaku di semua kawasan di

Klang Utara dan Klang Selatan dan mencatatkan kadar air hujan 90mm yang pada umumnya 40-55mm biasanya sudah ada banjir kilat di kawasan tertentu.

17. Banjir kilat pada 30 Mac 2012 berlanjutan dari pukul 4 pagi sehingga 7 pagi disebabkan oleh:
 - a) hujan secara berterusan yang jumlah kuantiti begitu tinggi;
 - b) diikuti dengan keadaan air pasang pada ketika itu telah menyebabkan aliran *back flow*;
 - c) ditambah pula air hujan yang tidak dapat mengalir ke saluran air; dan
 - d) kebanyakan kawasan di daerah Klang ini adalah di bawah paras air laut.
18. Banjir kilat ini telah melibatkan 18 kawasan kampung dan taman perumahan serta penutupan 9 buah sekolah.
19. Satu mesyuarat penyelarasan telah diadakan pada 9 pagi dan melibatkan 13 agensi iaitu Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat (“Bomba”), Polis DiRaja Malaysia (“Polis”), Majlis Perbandaran Klang (“MPK”), JPS, JKR, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor (“JKM”), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (“JPAM”), RELA, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (“JKNS”), Jabatan Pelajaran Negeri Selangor (“JPN”), Tenaga Nasional Berhad (“TNB”), Jabatan Penerangan Negeri Selangor, wakil ADN dan Ketua Kampung yang berkenaan.
20. Bilik gerakan di bawah Pejabat Daerah telah ditubuhkan dan mereka juga mewujudkan di Bahagian Pembangunan satu talian 24 jam untuk menerima aduan.

21. YAB Dato' Menteri Besar telah mengadakan mesyuarat dan bersetuju pada dasarnya supaya JPS, MPK, JKR dan Pejabat Daerah untuk sama-sama memikirkan langkah segera dan juga langkah jangka panjang.
22. Langkah jangka pendek adalah berkaitan dengan penyelenggaraan parit-parit dan longkang-longkang yang tersumbat.
23. Langkah jangka sederhana merupakan perlaksanaan rancangan Pelan Tindakan Banjir 50 Tahun dengan kos sebanyak RM56 juta dan yang segera sebanyak RM5 juta.
24. Pada tahun 2003 terdapat satu keputusan MTES yang telah memutuskan supaya semua longkang dan parit JKR serta JPS yang berada di dalam kawasan MPK hendaklah diserahkan kepada MPK untuk tujuan penyelenggaraan tanpa peruntukan daripada Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Persekutuan. Klang pula merupakan satu bandar bersejarah berumur 122 tahun dan keluasan telah bertambah daripada 187 kepada 540 kilometer persegi.
25. MPK tidak mampu menyelenggarakan kesemua longkang dan parit ini berikutan kesan peningkatan kos sejak tahun 2003 dianggarkan lebih kurang RM12.88 juta setahun. Oleh itu, pembersihan hanya dilakukan secara ad-hoc sahaja. Anggaran RM13.08 juta diperlukan untuk pembersihan 4 kali setahun untuk longkang dan parit dan 2 kali setahun untuk kolam tадahan banjir.
26. Satu pelan induk rancangan tambatan banjir telah dibuat pada bulan Mei 2009 oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia sebagai satu pelan jangka panjang dan sewajarnya sudah boleh dilaksanakan tetapi ia melibatkan kos RM229 juta untuk kawasan Klang sahaja.
27. Pelan kedua perlaksanaan rancangan menangani banjir berdasarkan banjir 30 Mac 2012 dalam 2 fasa:
 - a) Pelan induk yang berharga RM1.3 bilion untuk 100 tahun; dan

- b) Pelan 50 tahun berharga RM66 juta untuk tempoh 50 tahun.
28. Walau bagaimanapun, kelulusan Kerajaan Negeri hanya berjumlah RM5 juta bermakna pelan hanya untuk 3-10 tahun sahaja. Anggaran lebih kurang RM3.7 juta ini melibatkan naik taraf parit, menyediakan kolam tadahan dan membina pembentung yang berada pada kritikal *pulse* sahaja. MPK telah pun membentangkan permohonan untuk RM300 juta dan Kerajaan Negeri telah meminta pelan yang terperinci supaya ini dapat dipertimbangkan
29. MPK turut memaklumkan isu kekurangan kakitangan yang mahir dalam isu banjir di peringkat PBT.
30. JPS juga telah memaklumkan tentang satu *rolling plan* Rancangan Malaysia yang Ke-10 di mana permohonannya adalah kira-kira RM60 juta dan yang diluluskan hanya RM1,904,850.00. Rancangan Malaysia yang Ke-10 dilaksanakan dengan cara menggunakan *rolling plan* bererti peruntukan hanya dianggarkan untuk 2 tahun dan tidak seperti sebelum ini Rancangan Malaysia yang Ke-8 (RM111,849,711.26) dan Rancangan Malaysia yang Ke-9 (RM67,056,918.00) di mana peruntukan 5 tahun telah pun diperuntukkan ataupun dianggarkan.

Bantuan untuk mangsa banjir

31. Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk meluluskan RM2 juta peruntukan *relief fund* sebanyak RM500 kepada mangsa. 1,360 mangsa telah menerima sebanyak RM500 dan anggaran 8000 permohonan telah diterima. Ini menelan peruntukan RM4 juta.
32. Pengagihan peruntukan ini telah menimbulkan kekeliruan. Mangsa dimaklumkan tiada pampasan pada hari pertama. Kemudian mereka diberitahu terdapat bantuan RM300 setiap keluarga oleh Lembaga Zakat Selangor (“LZS”). Selepas pengumuman LZS, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (“MMKN”) pula memberi RM500 setiap keluarga.

33. Kerajaan Negeri tidak mempunyai borang permohonan untuk bantuan ini. Ahli Dewan Negeri Kota Alam Shah terpaksa menyediakan borang permohonan sendiri. Selepas itu, Pejabat Daerah menyediakan borang mereka sendiri yang menghendaki mangsa untuk mengemukakan gambar. Terdapat arahan yang berbeza mengenai syarat mengemukakan laporan polis bersama permohonan.
34. Tiada garis panduan jelas mengenai siapa yang layak memohon bantuan ini.

Peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Lembaga Zakat Selangor

35. JKM berperanan untuk:
 - a) mengenal pasti dan membuka dan mengurus operasi pusat pemindahan;
 - b) memberikan bantuan segera seperti selimut, tikar, bantal, kain sarung, kebaya dan lain-lain untuk keperluan semasa di pusat pemindahan;
 - c) mendaftarkan mangsa bencana; dan
 - d) mengadakan aktiviti yang perlu khususnya untuk kanak-kanak atas keperluan dan aktiviti kaunseling untuk bakal ibu dan mangsa keadaan trauma.
36. Peruntukan Kerajaan Negeri digunakan untuk membiayai pembelian barang keperluan bencana dan ditempatkan di daerah-daerah di mana setiap pejabat JKM mestilah ada storinya untuk menyimpan barang-barang bencana.
37. Peruntukan Kerajaan Persekutuan digunakan untuk menyediakan keperluan barang di depoh bencana di Sungai Buloh.

38. JKM telah mengalami tekanan dan gangguan dalam menyalurkan bantuan di pusat pemindahan dan kekeliruan atas arahan yang diberikan kepada pegawai JKM.
39. LZS pula bekerjasama dengan Pejabat Daerah untuk menyalurkan bantuan kepada mangsa beragama Islam sebanyak RM300 seisi rumah.

RUMUSAN JAWATANKUASA

40. Setelah meneliti kesemua dokumen yang dibentangkan dan setelah mendengar penjelasan daripada semua saksi, Jawatankuasa berpendapat adalah jelas bahawa:-
 - a) Punca Banjir Hulu Langat adalah disebabkan oleh rekod kadar air hujan yang terlalu tinggi, *reserve* sungai yang telah didiami oleh peneroka yang tidak sah mengakibatkan kerja penyelenggaraan tidak dapat dibuat, longkang yang tersumbat akibat daripada kekurangan peruntukan untuk penyelenggaraan dan kekurangan *retention pond* akibat pembangunan yang terlalu pesat.
 - b) Punca banjir di Klang pula disebabkan oleh hujan secara berterusan dengan kadar air hujan begitu tinggi, diikuti dengan keadaan air pasang pada ketika itu telah menyebabkan aliran *back flow*, ditambah pula air hujan yang tidak dapat mengalir ke saluran air dan kebanyakan kawasan di daerah Klang ini adalah di bawah paras air laut.
41. Kenyataan yang bercanggah telah dikeluarkan oleh ahli-ahli MMKN mengenai punca banjir di Klang dan ini telah mengelirukan penduduk setempat.

42. Kerja penyelenggaraan sungai, parit dan longkang tidak dikendalikan oleh satu agensi. Skop kerja ini tidak jelas. Sesetengah sungai diserahkan oleh JPS kepada PBT untuk penyelenggaraan. Walaupun keputusan MTES telah dibuat untuk MPK menyelenggara parit dan longkang, namun JKR masih menyelenggara sesetengah daripada parit dan longkang sebanyak 4 kali setahun.
43. Peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri juga tidak tepat kepada agensi pengelola. Jawapan daripada UPEN kepada MPK mengenai permohonan penambahan peruntukan ialah bahawa peruntukan untuk penyelenggaraan itu telah disalurkan kepada JPS walaupun longkang telah diserahkan kepada MPK.
44. Pengurangan peruntukan yang mendadak oleh Kerajaan Persekutuan kepada JPS untuk usaha menangani banjir selepas tahun 2008.
45. Peruntukan *nominal* diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada PBT selepas banjir seperti RM5 juta kepada MPK dan penjelasan yang tidak tepat diberikan oleh Kerajaan Negeri mengakibatkan Kerajaan Negeri dilihat sebagai tidak serius dalam usaha membantu.
46. PBT tidak mempunyai tenaga kerja yang mahir dalam usaha menangani banjir, kebanyakannya mereka diupah secara kontrak dan tiada jabatan yang menerajui kerja ini di mana ketika ini kerja ini diusahakan oleh Jabatan Kejuruteraan PBT.
47. Tiada garis panduan yang jelas untuk permohonan dan pengagihan bantuan *relief fund* untuk mangsa.
48. Tiada rancangan jangka masa panjang dalam pemberian bantuan kewangan kepada mangsa dari segi kemampuan Kerajaan Negeri dalam memberikan bantuan yang sama setiap kali banjir.

SARANAN JAWATANKUASA

49. Setelah meneliti kesemua dokumen yang dibentangkan dan keterangan yang telah diberikan oleh semua saksi, Jawatankuasa berpendapat bahawa Kerajaan Negeri harus melaksanakan perkara berikut:-
- a) Kerajaan Negeri harus mewujudkan hanya satu agensi yang melaksanakan kerja menyelenggara parit dan longkang dan bukan beberapa agensi membuat kerja yang sama supaya ada kesinambungan.
 - b) Kerajaan Negeri harus mempunyai satu pelan induk untuk masalah banjir di Negeri Selangor, mengkaji kesesuaian spesifikasi parit dan longkang semasa dan mencari jalan untuk memperuntukkan dana yang mencukupi untuk menyelenggara dan menaik taraf.
 - c) PBT harus mengenakan sumbangan infrastruktur khas untuk mengatasi banjir ke atas sebarang cadangan pembangunan yang baru.
 - d) Syarat untuk menyediakan *retention pond* mesti dikuatkuasakan dengan tegas.
 - e) Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah harus mempertingkatkan usaha mencari kawasan yang sesuai untuk dijadikan *retention pond*.
 - f) Kerajaan Negeri harus melantik seorang ahli MMKN untuk menjaga portfolio banjir.

Penyata ini telah disediakan oleh **Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan**, Ahli Jawatankuasa SELCAT, telah dibincangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa SELCAT di mesyuarat Jawatankuasa pada 24 Oktober 2012.

Disahkan oleh:



Dato' Teng Chang Khim

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai
Kecekapan, Keber tanggungjawaban dan Ketelusan
(*Special Select Committee on*

Competence, Accountability and Transparency- SELCAT)